

Mi Pedas Muslim Best akan dilancar Februari ini

REMBAU - Mi segera hasil keluaran syarikat bumiputera, Muslim Best Marketing (M) Sdn. Bhd. (Muslim Best) akan berada di pasaran mulai awal bulan Februari ini dengan sasaran pengeluaran sebanyak 3.8 juta bungkus mi sebulan.

Presidennya, Datuk Sheikh Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad berkata, produk berjenama Mi Pedas itu juga kini dalam proses memperoleh pensijilan Halal dan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritis (HACCP) dalam tempoh dua minggu lagi.

"Terdapat empat perisa ditawarkan iaitu asam laksa, kari, ayam lada hitam dan tomyam, namun perisa itu akan diperkembangkan pada masa depan jika ada keperluan," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan Ketua

Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Datuk Nadzim Johan di kilang Muslim Best di Pusat Usahawan Halal di Taman Halal Pedas di sini.

Mengulas lanjut mengenai produk baharu itu, Sheikh Ahmad Dusuki menjelaskan, produk itu bebas daripada asid deoksiribonukleik (DNA) sumber tidak halal dan tidak mengandungi liputan lilin yang membahayakan kesihatan.

"Bagi mengesahkan produk Muslim Best adalah halal, kami telah bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Produk Halal dari Universiti Putra Malaysia dan institusi tersebut akan mengesahkan produk yang dikeluarkan ini bebas daripada sumber tidak halal," ujarnya.

Selain mi segera, kompleks Muslim Best yang bernilai RM30 juta itu turut mengeluarkan cip ubi kayu, biskut dan jus minuman.



SHEIKH AHMAD (tiga dari kanan) menerangkan sesuatu kepada Nadzim (dua dari kanan) di kilang Muslim Best di Pusat Usahawan Halal di Taman Halal Pedas semalam.